

04/02/2002

Pengusaha bas, teksi didakwa sewa permit kepada warga asing

KEMAMAN, Ahad - Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas mendakwa sebahagian pengusaha bas sekolah, ekspres serta kereta sewa yang beroperasi di Lembah Klang, menyewakan permit mereka kepada pendatang asing, terutama warga Indonesia.

Kayveas juga mendakwa pemilik permit itu memperoleh pendapatan sehingga kira-kira RM25,000 setahun dengan menyewakan permit mereka.

"Sikap pemegang permit menyewakan permit kepada warga asing dikenal pasti antara punca kerajaan sukar bertindak.

"Kerajaan akan dituduh zalim sekiranya mengambil tindakan termasuk menarik balik permit dan lesen yang disewakan kepada pendatang tanpa izin," katanya kepada Berita Harian selepas jamuan sempena pemsyuran Majlis Perbandaran Kemaman di Dewan Berlian Utama di sini, semalam.

Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin dan Permaisuri Nur Zahirah berangkat ke majlis itu dan baginda berdua diiringi Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Lokman Halim Mohd Jasan dan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Pentadbiran Awam, Wan Mutalib Embong.

Kayveas berkata, kementerian berpendapat kebanyakan pendatang Indonesia mendapat sokongan dan restu sebahagian penduduk yang malas berusaha sedangkan segala kemudahan disediakan kerajaan.

Beliau berkata, sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyelar sikap sebahagian penduduk tempatan menyewakan lesen dan gerai kepada pendatang tanpa izin, terutama yang menjalankan perniagaan sekitar Chow Kit dan Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Kayveas menyifatkan penduduk tempatan yang diberi kemudahan oleh kerajaan menyewakan lesen dan permit kepada pendatang tanpa izin sebagai penderhaka.

"Mereka ini boleh diibaratkan mencari rezeki dengan kemudahan diberikan kerajaan tanpa berusaha," katanya.

Beliau juga mendedahkan, pemilik permit kenderaan dan lesen niaga serta gerai mengugut tidak memberi sokongan kepada kerajaan sekiranya tindakan diambil terhadap mereka.

Katanya, kementerian juga ada menerima laporan sebahagian kontraktor binaan lebih suka menggunakan khidmat pendatang tanpa izin kerana tidak perlu membayar gaji tinggi.

"Kementerian sudah mengenal pasti pemilik permit kenderaan awam dan nama kontraktor yang mengalibabakan kemudahan itu kepada pendatang asing tanpa izin," katanya.

(END)